



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1997**

---

**KAEDAH PEMINDAHAN DAN PENETAPAN GAJI  
BAGI ANGGOTA JAWATANKUASA KABINET  
KE SISTEM SARAAN BARU**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pemindahan gaji bagi anggota Jawatankuasa Kabinet (JKK) 1976 yang dinaikkan pangkat dalam skim perkhidmatan JKK dan penetapan gaji bagi anggota JKK yang dilantik ke dalam skim perkhidmatan Sistem Saraan Baru (SSB).

**LATAR BELAKANG**

2. Prinsip pemindahan dan penetapan gaji anggota JKK yang terlibat dalam urusan kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan JKK 1976 atau lantikan ke dalam skim perkhidmatan SSB telah diperuntukkan seperti berikut -

- (a) **Perenggan 44 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#)** (P.P. Bil. 9/91) mensyaratkan supaya anggota yang menolak tawaran opsyen SSB dibenarkan berkhidmat atas skim dan syarat perkhidmatan JKK 1976. Anggota tersebut boleh dipertimbangkan untuk **kenaikan pangkat** mengikut skim perkhidmatan berkenaan dengan syarat apabila dinaikkan pangkat, anggota itu hendaklah tertakluk kepada syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya; dan
- (b) **Perenggan 17 Garis Panduan Pelaksanaan Pelarasan Saraan Anggota Sistem Saraan Baru 1995 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996](#)** (P.P. Bil. 2/96), memperuntukkan bahawa anggota yang masih kekal berkhidmat mengikut syarat skim perkhidmatan Laporan JKK 1976 tidak layak menerima pelarasan gaji mengikut P.P. Bil. 2/96. Walaubagaimanapun, apabila anggota berkenaan **dilantik atau dinaikkan pangkat** pada atau selepas 1 Januari 1995, mereka akan tertakluk kepada skim perkhidmatan SSB. Bagi maksud penetapan gaji SSB, matagaji permulaan jawatan kenaikan pangkat atau lantikan atas tanggagaji JKK 1976 hendaklah ditambah dengan kelayakan Pembayaran Pendahuluan Kenaikan Gaji (PPKG) 8% mengikut **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1992** (S.P.P. Bil. 1/92), menjadi satu jumlah gaji. Jumlah gaji ini hendaklah dipindah kepada Matagaji Baru yang sama atau lebih tinggi berhampiran di Gred Gaji SSB yang setaraf.

## **PELAKSANAAN**

## **Pemindahan Gaji**

3. Pemindahan gaji adalah daripada matagaji bagi jawatan kenaikan pangkat JKK 1976 dipindah ke **Gaji Baru** dalam gred gaji SSB yang setaraf di dalam P.P. Bil.9/91. **Gaji Baru** itu kemudiannya diselaraskan ke **Gaji Baru dalam Jadual Gaji Baru** berkenaan mengikut P.P. Bil.2/96.

Contoh -

**Lampiran A** adalah pelaksanaan kaedah pemindahan gaji bagi urusan kenaikan pangkat berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992 hingga 31 Disember 1994.

**Lampiran B** adalah pelaksanaan pemindahan gaji bagi urusan kenaikan pangkat berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995.

## **Penetapan Gaji**

4. Penetapan gaji SSB bagi lantikan sebelum dan selepas pelaksanaan P.P. Bil. 2/96 hendaklah mengambilkira PPKG 8% atau **topping Up** PPKG 8% seperti yang ditetapkan dalam S.P.P. Bil. 1/92 seperti berikut -

(a) gaji pokok Laporan JKK 1976 hendaklah ditambah dengan PPKG 8% atau **topping Up** ke 8% menjadi **jumlah gaji**; dan

(b) **jumlah gaji** dari (a) di atas diselaraskan ke **Gaji Baru** SSB yang sama atau lebih tinggi berhampiran dalam **P.P. Bil. 9/91** atau **P.P. Bil.2/96** mengikut tarikh kuatkuasa lantikan masing-masing.

Contoh -

"[Lampiran C](#)" adalah kaedah penetapan gaji bagi urusan lantikan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1992 hingga 31 Disember 1994.

"[Lampiran D](#)" adalah kaedah penetapan gaji bagi urusan lantikan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1995.

### **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, **perenggan 17** Garis Panduan Pelaksanaan Pelarasan Saraan Anggota Sistem Saraan Baru 1995 (**Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996**) bertarikh 16 April 1996 adalah **dibatalkan**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'M. J. Yusoff', with a long horizontal flourish underneath.

**(TAN SRI DR.MAZLAN BIN AHMAD)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

10 Oktober 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PEMINDAHAN GAJI ANGGOTA DALAM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PERTANIAN (TANGGAGAJI A19) JKK 1976  
YANG DINAIKKAN PANGKAT KE TANGGAGAJI A11 PADA  
1 APRIL 1994 DAN MEMASUKI SISTEM SARAAN BARU (GRED G3)**

TARIKH	TANGGAGAJI JKK 1976		SSB	CATATAN
	A19 (RM)	A11 (RM)	GRED GAJI G3 (RM)	
1.3.94	2050 (matagaji ke 13)			Matagaji sebelum kenaikan pangkat
<b>1.4.94</b>		2205 (matagaji permulaan)		Tarikh kenaikan pangkat dan ditetapkan gaji permulaan A11.
1.4.94			2438 (P1T20)	Diberi pemindahan ke Gaji Baru Gred

				G3, P.P. Bil. 9/91
1.1.95			2528 (P1T20)	Pelarasan gaji mengikut Jadual Gaji Baru Gred G3 dalam P.P. Bil. 2/96
1.4.95			2636 (P1T21) (mendatar) atau 2528 (P1T20) (Statik)	Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi.

**PEMINDAHAN GAJI ANGGOTA DALAM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PERUBATAN (TANGGAGAJI A15) JKK 1976  
YANG DINAIKKAN PANGKAT KE TANGGAGAJI A11 PADA 1 JUN 1995  
DAN MEMASUKI SISTEM SARAAN BARU (GRED U3)**

TARIKH	TANGGAGAJI JKK 1976		SSB	CATATAN
	A15  (RM)	A11  (RM)	GRED  U3  (RM)	
1.5.95	1770  (matagaji ke 5)			Matagaji sebelum kenaikan pangkat
<b>1.6.95</b>		2205  (matagaji permulaan)		Tarikh kenaikan pangkat dan ditetapkan gaji permulaan A11
1.6.95			2481  (P1T17)	Diberi pemindahan ke

				matagaji yang sama atau lebih tinggi berhampiran di Gred U3 dalam P.P Bil. 9/91
1.6.95			2571 (P1T17)	Diberi pelarasan gaji mengikut Jadual Gaji Baru Gred U3 dalam P.P. Bil. 2/96
1.4.96			2681 (P1T18) (mendatar) atau 2571 (P1T17) (statik)	Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

**PENETAPAN GAJI ANGGOTA DALAM  
PERKHIDMATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN  
SISWAZAH (PPPBS) ATAS TANGGAGAJI B10 JKK 1976 DILANTIK KE  
DALAM  
SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN  
SISWAZAH**

**DG3 SISTEM SARAAAN BARU PADA 1 SEPTEMBER 1994**

Tarikh	TANGGAGAJI JKK 1976				SSB		CATATAN
	(1) C8  (RM)	(2) B10  (RM)	(3) PPKG 8% atau <i>Topping Up</i>  (RM)	(4) (2+3) Jumlah Gaji  (RM)	Tarikh	Gred DG3	
1.7.91	1145		91.60*	1236.60			<i>Matagaji sebelum peningkatan ke B10</i>

1.8.91	(1145)	1150	87.00**	1237.00			Peningkatan ke B10
1.8.92		1230	93.40**	1323.40			KGT B10-
1.8.93		1270	96.60**	1366.60			KGT B10
1.8.94		1310	99.80**	1409.80			KGT B10
					<b>1.9.1994</b>	1465 (P1T7)	Lantikan. diselaraskan ke Gaji Baru yang sama atau lebih tinggi berhampiran di gred Gaji DG3, mengikut P.P. Bil. 9/91.
					1.1.1995	1555 (P1T7)	Pemindahan Gaji mengikut

							Jadual Gaji Baru PP Bil. 2/96
					1.7.1995	1620 (P1T8) (mendatar) atau 1555 (P1T7) (statik)	Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

\* PPKG 8% (Penuh)

\*\* Kadar *Topping Up* mengikut para 3.2 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1992

KGT: Kenaikan Gaji Tahunan

**PENETAPAN GAJI ANGGOTA PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI PENDAFTARAN TANGGAGAJI B11  
JKK 1976 DILANTIK KE DALAM SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR  
GRED N3 SISTEM SARAAN BARU PADA 1 OGOS 1996**

Tarikh	TANGGAGAJI JKK 1976			SSB		CATATAN
	(1)	(2)	(3)	Tarikh	Gred N3	
	Gaji B11  (RM)	*PPKG 8%  (RM)	(1+2) Jumlah Gaji  (RM)			
1.7.91	1110	88.80	1198.80			Kenaikan gaji tahunan (KGT)
1.7.92	1190	95.20	1285.20			KGT
1.7.93	1230	98.40	1328.40			KGT
1.7.94	1270	101.60	1371.60			KGT

1.7.95	1310	104.80	1414.80			KGT
1.7.96	1350	108.00	1458.00			KGT
				<b>1.8.96</b>	1486 (P1T6)	Lantikan. diselaraskan ke Gaji Baru yang sama atau lebih tinggi berhampiran di Gred N3 mengikut P.P. Bil. 2/96
				1.7.97	1551 (P1T7) (Mendatar)  1486 (P1T6) (Statik)	Tarikh pergerakan gaji baru. Pergerakan gaji mengikut penilaian prestasi

\* Mengikut para 3.1 . SPP Bil. 1/92, diberi kadar penuh kerana skim Perkhidmatan Penolong Pendaftaran tidak terlibat dengan urusan penyusunan semula perkhidmatan antara tahun 1989 hingga 1991.